

# Wanita perlu fikir global

**S**ARANAN isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor supaya wanita di negara ini tidak seharusnya cepat berpuas hati dan berada dalam keadaan selesa dengan kemajuan dicapai perlu diberi perhatian.

Wanita perlu berani mengubah pemikiran memenuhi cabaran pada peringkat tempatan dan global bagi memastikan mereka berada pada tahap lebih tinggi pada masa depan.

Apa yang disarankan itu selari dengan objektif Dasar Wanita Negara iaitu untuk menjamin perkongsian saksama antara lelaki dan wanita dalam pemilikan sumber dan maklumat, di samping mendapatkan peluang dan faedah dari pembangu-

nan negara.

Dasar Wanita Negara bertujuan mengintegrasikan kaum wanita dalam semua sektor pembangunan negara selaras kemampuan dan keperluan mereka. Ia juga bagi meningkatkan mutu kehidupan, membasmi kemiskinan, menghapuskan kejahilan dan buta huruf serta memastikan negara berada dalam keadaan aman dan makmur.

Di negara ini, sumbangan kaum wanita dalam pembangunan bangsa dan negara amat penting. Peranan mereka bukan setakat pembentukan generasi akan datang malah menjadi sumber ekonomi penting. Penyertaan guna tenaga dan penyertaan wanita sentiasa meningkat.

Wanita negara ini juga ak-

tif seperti menjalankan perkhidmatan masyarakat, sosial, persendirian serta sektor awam. Dalam bidang politik juga, penyertaan wanita juga kian meningkat. Mereka kumpulan pengundi kuat dan berperanan sebagai penarik pengundi.

Dalam usaha memajukan pembangunan wanita, seperti kata Rosmah, wanita perlu melahirkan idea kreatif dan luar biasa selain bijak mencari peluang dalam membentuk rangkaian strategik serta jalinan kerjasama bagi memastikan suara wanita tidak terus dipandang sepi.

Berikutan, kerajaan sudah lama mengiktiraf sumbangan besar wanita dalam pembangunan negara serta peranan mereka dalam pelbagai bidang, wanita harus

melengkapi diri dengan ke mahiran yang relevan, kreatif dan berpengetahuan untuk memastikan wanita hari ini lebih kompetitif.

Wanita tidak mempunyai pilihan kerana perubahan bukan lagi satu pilihan, tetapi sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Wanita tidak boleh berasa terkebelakang dalam menghadapi saingan kaum lelaki. Segala cabaran dan kritikan perlu dijadikan perangsang untuk lebih berdaya saing. Ia juga sebagai cabaran membentuk ciri kepemimpinan wanita yang lebih hebat.

**PROF MADYA DATIN  
DR SAPORA SIPON,**  
*Universiti Sains Islam  
Malaysia (USIM).*